

Harga gula turun 10 sen bermula 1 September

Hakimi Ismail

pengarang@utusan.com.my

28 Ogos 2018 3:00 AM



GULA kasar dijual RM2.85 sekilogram apabila harganya turun 10 sen mulai 1 September ini.

PUTRAJAYA 27 Ogos - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hari ini mengumumkan penurunan harga gula sebanyak 10 sen berkuat kuasa pada 1 September ini.



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL

Menterinya, Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, pengumuman berkenaan menjadikan harga baharu gula pasir kasar adalah RM2.85 sekilogram manakala gula pasir halus RM2.95 sekilogram.

Beliau berkata, penurunan itu selari dengan trend harga gula mentah di pasaran

dunia yang semakin menurun dan langkah sama turut diambil oleh beberapa negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand.



"Ketika ini, harga sekilogram gula pasir kasar ialah berharga RM2.95 dan RM3.05 bagi gula pasir halus. Bermula 1 September ini harga diturunkan sebanyak 10 sen sekali gus dapat meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat.

"Langkah ini diharapkan dapat mengurangkan jangkaan kesan berangkai ke atas harga makanan dan minuman di pasaran," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri perhimpunan bulanan kementerian di sini hari ini.

Menurut Saifuddin Nasution, gula merupakan barang kawalan dan tertakluk di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Gula diletakkan di bawah akta berkenaan bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan dijual pada harga terkawal dan kali terakhir harga kawalan gula bertapis disemak adalah pada 1 Mac tahun lalu.

"Saya juga ingin mengingatkan peniaga bahawa penjualan melebihi atau di bawah harga kawalan yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pengawal bekalan," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan akan membuat semakan ke atas harga kawalan gula dari semasa ke semasa serta membuat perubahan harga sekiranya perlu.

Sementara itu, katanya, penurunan harga gula yang diumumkan tidak bermakna kerajaan menyokong pengambilan gula berlebihan dalam kalangan rakyat Malaysia sebaliknya gaya hidup sihat perlu sentiasa diutamakan.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin Nasution mengesahkan empat agensi di bawah kementeriannya telah melalui proses penyusunan semula dan dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Usahawan.

"Agensi yang dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Usahawan adalah Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Perbadanan Nasional Bhd. (PNS) dan Bank Rakyat.

"Kementerian saya akan beroperasi mengikut struktur sedia ada selepas menerima surat daripada pejabat Perdana Menteri beberapa hari lalu," katanya.

AGENCY: Utusan Malaysia (Online)

LINK: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/harga-gula-turun-10-sen-bermula-1-september-1.737104>